



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
2 DISEMBER 2017 (SABTU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - 100 Penduduk Flat Kelompok Camar meriahkan sambutan Maulidur Rasul | 18 |
| - Mahu masalah banjir kilat diatasi | 18 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 2 DISEMBER 2017 (SABTU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	100 PENDUDUK Flat Kelompok Camar meriahkan sambutan Maulidur Rasul
Muka Surat	18

100 penduduk Flat Kelompok Camar meriahkan sambutan Maulidur Rasul

84 M/S 17
2/12/2017

AMPANG – Seramai 100 penduduk Flat Kelompok Camar, Taman Permai Jaya, menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul anjuran Surau Al- Mujahiddin, di sini, semalam.

Pengerusi surau, Abdul Aziz Harun berkata, sambutan yang diadakan itu merupakan program yang julang kali diadakan di kawasan kediaman tersebut.

“Objektif utama adalah kita mahu masyarakat di sini menghayati perjuangan, mencontohi ketabahan dan kesungguhan junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta para sahabat baginda dalam menegakkan syiar Islam,” katanya.

Katanya, sambutan Maulidur Rasul yang diadakan itu juga dapat menunjukkan komitmen orang ramai untuk menjunjung kesepaduan dan kesatuan umat Islam.



Sebahagian warga Flat Kelompok Camar bergambar sebelum berarak sempena sambutan itu semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 2 DISEMBER 2017 (SABTU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Mahu masalah banjir kilat diatasi
Muka Surat	18

Mahu masalah **banjir kilat diatasi**

54 2/12/2017
m/s 18


Warga Pandan Indah gesa naik taraf sistem saliran, longkang yang penuh dengan sampah

PANDANINDAH—Penduduk dan pengguna jalan raya di Jalan Pandan Indah, di sini, memohon pihak berkenaan menaik taraf sistem saliran longkang di kawasan itu bagi mengatasi masalah banjir kilat.

Setiausaha Kerja Barisan Nasional Pandan, Muhamad Zaharudin Ali berkata, pihaknya dimaklumkan penduduk pernah membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) agar longkang di kawasan berkenaan dinaik taraf.

Menurutnya, masalah itu dipercayai telah berlarutan lebih lima tahun.

"Keadaan longkang pe-



Jalan Pandan Indah pasti akan banjir setiap kali hujan lebat.

nuh dengan sampah sehingga mengakibatkan saliran air tidak lancar.

"Paras jalan di sini juga rendah, keadaan itu menyebabkan kawasan ini se-

ring kali dilanda banjir kilat. Saya berharap MPAJ dapat mengatasi segera masalah ini,

INFO
● Masalah berkenaan dipercayai berlarutan lebih lima tahun

kesejahteraan masyarakat harus diutamakan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MCA dan Barisan Nasional Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee berkata, pihaknya turut menerima aduan daripada masyarakat berhubung masalah berkenaan.

"Bila hujan lebat air pasti melimpah ke jalan raya, penduduk turut mendakwa paras

sungai berhampiran kawasan ini lebih tinggi daripada longkang disebabkan itu, air tak mengalir dengan lancar," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin MPAJ sedia maklum berhubung masalah yang dibangkitkan oleh penduduk itu.

"Saya difahamkan pihak berkenaan sering kali memberi alasan tiada peruntukan, saya berharap kerajaan negeri dapat beri peruntukan untuk selesaikan masalah ini.

"Pengguna jalan raya juga terpaksa tanggung kos baik pulih kenderaan bila ada yang tersangkut ketika banjir," katanya.